

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Dakwaan peniaga bazar jual makanan basi disiasat

MARANG – Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) akan menyiasat dakwaan dua kes keracunan makanan dan makanan basi dijual peniaga bazar Ramadan negeri ini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Terengganu, Wan Sukairi Wan Abdullah berkata, kedua-dua kes tersebut didakwa berlaku di daerah ini dan Kuala Terengganu.

"Walaupun setakat ini masih tiada aduan rasmi dilakukan

dan sekadar luahan di media sosial, kita tetap akan siasat.

"Sekiranya benar, kita tidak mahu berulang lagi," katanya selepas merasmikan Kempen Kebersihan dan Keselamatan Makanan di Bazar Ramadan Kampung Binjai Rendah di sini kelmarin.

Wan Sukairi berkata, peniaga bukan sahaja perlu memastikan kebersihan diri dan premis malah tidak menjual semula juadah yang tidak habis dijual.

Tambah beliau, selain itu,

peniaga bazar Ramadan juga harus mengelak menggunakan dawai kokot pada kuih kerana ia boleh membahayakan kesihatan pengguna.

"Sehubungan itu, kita telah meletakkan petugas pihak berkuasa tempatan di semua 55 bazar Ramadan di seluruh Terengganu.

"Ia membolehkan aduan dibuat terus oleh pengunjung di tapak bazar Ramadan terbabit agar tindakan segera dapat diambil," katanya.



WAN SUKAIRI (dua dari kiri) menyantuni peniaga bazar Ramadan Binjai Rendah pada Kempen Kebersihan dan Keselamatan Makanan di Marang semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN



NASIONAL

SELASA 19 MAC 2024 • SINAR HARIAN

9

Komuniti penjual vape
mahu pandangan
mereka diambil kira

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak dalam industri vape bagi membincangkan cadangan melarang pamieran dan penjualan produk tersebut.

Presiden Persatuan E-Vaporizers, dan Tembakau Alternatif Malaysia (MEVTA), Mohamad Neezam Talib berkata, pertemuan itu penting bagi memberi butiran terperinci untuk dibincangkan secara telus sekali gus membolehkan semua pihak melontarkan pandangan masing-masing berhubung cadangan berkenaan.

Ujar Mohamad Neezam, cadangan KKM untuk melaksanakan larangan dan kawalan perisa, penetapan reka bentuk

KKM digesa adakan libat urus cadangan larangan vape

serta pembungkusan standard untuk produk vape itu disifatkan sebagai terlalu drastik dan boleh mematikan industri tempatan.

"Malah, industri juga difahamkan bahawa KKM akan melarang produk vape untuk dipamerkan di kedai, dan melarang penjualan botol cecair vape (produk sistem terbuka) yang dikilangkan oleh usahawan tempatan."

"Kami tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan ini kerana ramai usahawan tempatan akan terkesan dan ramai pekerja dalam industri akan terjejas akibat cadangan yang drastik ini."

"Selama ini kami tidak pernah diajak berbincang mengenai apa-apa cadangan larangan dan kawalan perisa, penetapan reka bentuk vape yang standard, pembungkusan standard untuk

produk vape, larangan memamerkan produk di kedai atau larangan menjual botol cecair vape," katanya dalam satu kenyataan bersama pada Isnin.

Kenyataan bersama itu melibatkan gabungan MEVTA, Persatuan Peniaga Vape Melayu (PPVM) dan Persatuan Pengeluar Cecair Vape Malaysia (MEBA).

Sementara itu, Presiden PPVM, Sabri Ismail berkata, KKM juga disaran untuk memperkenalkan peraturan vape yang berlainan daripada hasil tembakau serta berbincang bersama industri untuk mencari titik tengah dalam penetapan peraturan produk tersebut.

"Produk vape bukannya rokok tembakau atau peranas tembakau dan peraturan yang dikenakan tidak perlu sampai begitu drastik."



Cadangan KKM untuk melaksanakan larangan dan kawalan perisa, penetapan reka bentuk serta pembungkusan standard untuk produk vape didakwa bakal mematikan industri tempatan.

"Sekiranya KKM memperkenalkan peraturan-peraturan yang drastik ke atas produk vape, ia akan memberikan ke-

lebihan kepada produk hasil tembakau dan pengguna akan mempunyai tanggapan yang salah ke atas produk vape."

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Gangguan seksual: Polis minta doktor pelatih buat laporan

IPOH - Polis meminta mana-mana doktor pelatih yang mendakwa digangu secara seksual oleh seorang doktor di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) dekat sini agar tampil membuat laporan.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata, tindakan itu adalah bagi memastikan kes berkenaan dapat disiasat dengan telus dan berlandaskan perundangan.

"Setakat ini kita belum terima sebarang laporan daripada mana-mana individu sama ada penulis surat layang ataupun doktor-doktor pelatih yang mendakwa digangu secara seksual," katanya ketika dihubungi Bernama di sini pada Isnin.

Pada 16 Mac lepas, Yahaya dalam kenyataan mengesahkan telah menerima laporan daripada seorang doktor lelaki berusia 43 tahun yang didakwa terlibat dalam kes gangguan seksual dan ugutan terhadap doktor pelatih wanita di HRPB.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Sabah records highest TB cases in 2023

KUALA LUMPUR: Sabah reported the highest number of tuberculosis (TB) cases in 2023, totalling 5,814, followed by Selangor with 5,631 cases and Sarawak with 3,177 cases, the Senate was told yesterday.

Deputy Health Minister Lukanisman Amang Sauni said 22,680 cases (84.7%) were infections among citizens, while 4,101 cases (15.3%) were among non-citizens.

He said the ministry is procuring an Ultra Portable X-ray machine to aid in detecting TB in remote areas or outside

health facilities, particularly in regions with limited access.

"Since 2014, the Health Ministry (MOH) has progressively enhanced the capacity to diagnose latent TB infection and drug-resistant TB using more precise and rapid technology."

"Until 2023, a total of 62 units of rapid molecular tests have been deployed nationwide to facilitate early detection of TB and drug-resistant TB cases," he said during a question-and-answer session in the Dewan Rakyat.

He was responding to a question

from Senator Dr A. Lingeshwaran, who wanted to know the breakdown of TB cases by state, age and citizenship, as well as data on drug-resistant TB for the past 10 years and measures to overcome the issue.

Lukanisman further explained that MOH has implemented several measures to curb the spread of TB, including through screenings and testings, or case confirmation for symptomatic patients at health facilities such as those with prolonged fever, loss of appetite, sudden weight

loss, night sweats and coughing up blood.

"We also conduct contact screening for individuals living with patients and those at high risk of contracting TB among family members, colleagues, residents in dormitories, colleges, nurseries and kindergartens.

"Also for high-risk groups such as HIV patients, renal failure patients who are on dialysis, diabetic patients, the elderly, smokers, prison inmates and related institutions," he said.
— Bernama